Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA 7 OGOS 2025

LANCAR, PELBAGAI LORONG, TANPA HENTI: SISTEM PEMBAYARAN TERBUKA TOL ANPR DI PLUS MENUJU KE ARAH PELAKSANAAN MLFF

Petaling Jaya, 7 Ogos 2025:- Menteri Kerja Raya, YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi hari ini telah meninjau satu inovasi industri lebuh raya untuk melancarkan aliran trafik di plaza tol. Menggunakan sistem pembayaran terbuka tol berasaskan teknologi identifikasi nombor plat automatik (ANPR) yang disokong platform digital bersepadu, rakyat akan menikmati perjalanan yang lebih lancar dengan pilihan pelbagai lorong sedia ada tanpa henti.

Platform digital bersepadu ini juga berupaya menyokong pelbagai kemudahan tambahan untuk rakyat seperti fleksibiliti untuk menggunakan pelbagai mod pembayaran digital dan tanpa tunai, paparan e-invois, semakan transaksi tol, dan lain-lain perkhidmatan mobiliti secara berperingkat. Paling menarik, pengguna lebuh raya hanya perlu mendaftar atas talian dengan menggunakan butiran pengenalan diri, kenderaan dan pembayaran. Matlamat utama sistem pembayaran terbuka tol ANPR ini adalah untuk menawarkan pengalaman perjalanan yang lebih lancar, mudah dan fleksibel kepada semua pengguna lebuh raya.

YB Dato Sri Alexander berkata sistem ini adalah satu langkah positif ke arah pelaksanaan sistem Aliran Pantas Pelbagai Lorong (MLFF), selain menyokong aspirasi kerajaan untuk menjamin kesejahteraan rakyat dan memacu transformasi digital negara.

“Hari ini saya sendiri telah melalui lorong tol menggunakan sistem pembayaran terbuka tol ANPR tanpa henti dan terbukti jauh lebih pantas. Sistem ini juga telah sedia untuk dilaksanakan secara rintis di lebuh raya PLUS bagi laluan Hutan Kampung ke Sungai Dua bermula Oktober ini sebelum diperluaskan ke keseluruhan jajaran lebuh raya PLUS. Dengan sistem ANPR baru ini, pengguna-pengguna juga boleh memilih untuk menggunakan mana-mana lorong sedia ada. Malah, tiada kos atau caj akan dikenakan kepada rakyat untuk mendaftar dan mula menggunakan sistem ini.,” katanya di Persada PLUS hari ini.

“Di samping itu, saya juga berpeluang melalui sebuah gantri MLFF yang sedang menjalani penilaian teknologi di lebuh raya PLUS. Saya yakin sistem ini dapat membantu industri bersiap-sedia untuk pelaksanaan MLFF bagi kemudahan semua pengguna lebuh raya. Saya juga berbangga sistem ini dibangunkan sepenuhnya oleh pakar-pakar industri lebuh raya tempatan tanpa sebarang implikasi kewangan kepada kerajaan. Inisiatif ini juga membuktikan bahawa industri lebuh raya negara semakin proaktif, inovatif dan prihatin terhadap keperluan pengguna lebuh raya,” tambah beliau.

Sistem pembayaran tol terbuka merupakan inisiatif Kementerian Kerja Raya (KKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan syarikat-syarikat konsesi lebuh raya untuk kemudahan pengguna lebuh raya.

Turut hadir menyertai tinjauan bersama YB Dato Sri Alexander adalah pengurusan tertinggi KKR, LLM, PLUS dan syarikat-syarikat konsesi.

-TAMAT-

Ahli Kumpulan UEM

KENYATAAN MEDIA

PERTANYAAN MEDIA:

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 013-2097092 Emel: mashitah@plus.com.my	**Nadirah Hani Rodzi** Timbalan Pengurus Kanan Komunikasi Strategik & Pengalaman Pelanggan PLUS Malaysia Berhad Telefon Bimbit: 019-3432120 Emel: nadirah.rodzi@plus.com.my